

UNISSA teroka peluang kerjasama bersama Singapura

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Rabu, 13 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan hormat daripada Menteri Sekitaran dan Sumber Air Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad.

Ketibaan Tuan Yang Terutama serta rombongan di Kampus UNISSA dialu-alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Pada kunjungan tersebut TYT dan rombongan diberikan taklimat ringkas mengenai dengan sejarah penubuhan

UNISSA kini berusia 10 tahun yang disampaikan oleh Rektor UNISSA.

Sementara dalam ucapan dari TYT Menteri Sekitaran dan Sumber Air Singapura ia antara lain mengongsikan tentang perkembangan dan isu-isu negara berkenaan.

Ini disusuli dengan taklimat mengenai Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Dr. Azme bin Haji Matali.

Lawatan antara lain bertujuan untuk mengetahui lebih mendalam lagi tentang program-program yang terdapat di UNISSA, di samping melihat peluang kerjasama bersama Singapura.

Turut hadir ialah Timbalan



KUNJUNGAN hormat Menteri Sekitaran dan Sumber Air Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad dialu-alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar;

Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama Lim Huang Huai,

pegawai-pegawai Majlis Ugama Islam Singapura dan pegawai-pegawai UNISSA.

Tetamu Allah selamat pulang ke tanah air



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud mengalu-alukan kepulangan jemaah haji penerbangan ketiga.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 September. - Setelah lebih kurang sebulan jemaah haji meninggalkan negara bagi menunaikan Rukun Islam Kelima, sebilangan besar jemaah haji telah selamat pulang ke tanah air ke pangkuan keluarga masing-masing.

Hari ini, penerbangan ketiga yang membawa seramai 254 jemaah telah selamat mendarat kira-kira jam 3.27 petang, dengan menaiki pesawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei BI4218 termasuk para pegawai Maktab Urusan Haji Perubatan dan Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad.

Kepulangan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) di sini dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Timbalan Setiausaha Tetap (Pelaburan) di Kementerian Kewangan, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah serta wakil daripada Kedutaan Arab Saudi di negara ini.

Sememangnya ruang lebar ketibaan dipenuhi dengan kaum keluarga, sanak saudara serta sahabat handai para tetamu Allah yang tidak sabar dan ada yang teruja untuk bertemu mereka dengan kegembiraan dan

kerinduan.

Sejurus ketibaan, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Salah seorang jemaah haji, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Othman ketika ditemui sempat menceritakan pengalaman sepanjang perjalanan sebagai tetamu Allah berkumpul bersama jutaan jemaah dari seluruh pelusuk dunia.

Beliau yang berasal dari Kampung Kiudang, juga memanjatkan syukur atas peluang pertama kali yang dikurniakan itu dan perasaan bercampur pilu, terutama sekali menjejaskan kaki di kota suci Mekah dan melihat Baitullah di depan mata.

Dari segi kesihatan, beliau mengalami sedikit batuk, namun pihak perubatan begitu mengambil berat dengan memberikan perkhidmatan yang efisien, di samping pengurusan-pengurusan yang lainnya.

Tambahnya, alhamdulillah semua urusan berjalan dengan lancar dan baik semasa menunaikan ibadah haji sehingga selesai.

Kerajaan Kebawah DYMM tandatangani konvensyen kerjasama a'bangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 September. - Brunei Darussalam menandatangani Multilateral Convention on Mutual Administration Assistance in Tax Matters pada 12 September lepas di Ibu Pejabat Pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (DECD), Perancis.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yussof, di hadapan Timbalan Setiausaha Agung DECD, Mr. Masamichi Kono.

Sebanyak 112 buah negara menyertai konvensyen ini

termasuk Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura.

Tujuan konvensyen ini adalah untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam membanteras pengelakan cukai rentas sempadan, di mana konvensyen ini merangkumi segala bentuk bantuan pentadbiran dalam perkara cukai seperti pertukaran maklumat mengenai permintaan, pertukaran spontan, pertukaran automatik, pemeriksaan cukai di luar negeri dan bantuan dalam kutipan cukai.

Penandatanganan konvensyen ini menunjukkan komitmen Negara Brunei Darussalam untuk membanteras pengelakan serta pelarian cukai di luar negeri dan untuk melaksanakan pertukaran maklumat akaun kewangan secara automatik yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa serta ditetapkan oleh DECD.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yussof (kiri) menandatangani Multilateral Convention on Mutual Administration Assistance in Tax Matters bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.